



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
TAHUN 2022

Pada Minggu Epidemiologi ke-52 tahun 2022, sebanyak 2,024 kes demam denggi yang dilaporkan berbanding 2,018 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 6 kes (0.3%). Enam (6) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-52 tahun 2022.

Jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak 66,102 kes meningkat sebanyak 39,737 kes (150.7%), berbanding 26,365 kes bagi tahun 2021. Manakala jumlah kumulatif kematian akibat komplikasi denggi yang dilaporkan adalah 56 kematian berbanding 20 bagi tempoh yang sama pada tahun 2021, iaitu peningkatan 36 kematian (180%). **(Lampiran A & C).**

Sebanyak 71 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 58 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 40 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, 16 lokaliti hotspot di Sabah, tujuh (7) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya, enam (6) lokaliti hotspot di Pulau Pinang dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di Perak serta Negeri Sembilan. **(Lampiran B & D).**

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak 13 kes pada minggu ke-52 dengan lapan (8) kes dari Pulau Pinang, empat (4) kes dari Selangor dan satu (1)

kes dari WPKL & Putrajaya. Jumlah kumulatif kes chikungunya bagi tahun 2022 adalah 814 kes berbanding 1,432 kes pada tahun sebelumnya (**Lampiran E**). Bagi surveilan zika sepanjang tahun 2022, sebanyak 2,238 sampel darah dan 18 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlaku peningkatan kes denggi:

1. Peningkatan aktiviti serta pergerakan manusia apabila kegiatan semua sektor dibuka sepenuhnya setelah pandemik COVID-19 akan lebih mudah menyebarkan virus denggi ke tempat lain kerana pesakit denggi tidak bergejala yang melawat ke tempat baru dapat menyebarkan virus denggi apabila digigit oleh nyamuk Aedes.
2. Berlaku perubahan serotaip denggi kepada DEN 4 di kebanyakan negeri menyebabkan peningkatan kes serta kematian denggi.
3. Faktor kebersihan persekitaran serta tabiat segelintir masyarakat yang tidak melupuskan sampah di tempat pelupusan sampah yang disediakan dapat menyumbang kepada tempat-tempat pembiakan Aedes.
4. Faktor cuaca, suhu serta bencana banjir yang dialami dapat mempengaruhi perkembangan nyamuk dan larva yang menyebabkan populasi Aedes meningkat seterusnya menyebarkan virus denggi.


Sehubungan itu, bagi menurunkan kejadian kes dan wabak denggi, KKM menyarankan kepada masyarakat untuk melaksanakan perkara-perkara berikut :

1. Bagi negeri-negeri yang pernah terlibat dengan banjir seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Perak, Kedah, Sabah dan Sarawak perlu melaksanakan aktiviti pembersihan longgokan sampah dan sisa dalam tempoh seminggu selepas banjir surut untuk mengelakkan ianya menjadi tempat pembiakan Aedes.
2. Pihak PBT hendaklah memastikan urusan pelupusan sampah berjalan sempurna dan teratur.

3. Masyarakat juga diingatkan untuk menjalankan aktiviti 'cari dan musnah' tempat-tempat pembiakan Aedes di kawasan persekitaran kediaman masing-masing setiap minggu. Lupuskan barang lusuh serta bahan buangan di tempat pelupusan yang telah disediakan. Bekas-bekas terpakai yang masih digunakan hendaklah dikeringkan dan disimpan.
4. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di tempat-tempat yang berpotensi menjadi tempat pembiakan Aedes seperti di pam tandas, kolam hiasan, kolam air dan sebagainya. Bekas penyimpanan air hendaklah ditutup dengan rapat agar nyamuk tidak dapat bertelur. Pastikan tiada air bertakung di penutup bekas penyimpanan air, alas penapis air, palong air hujan, alas pasu dan sebagainya.

Kebersihan hendaklah dijadikan amalan hidup semua. Peningkatan kes dan kematian denggi ketika ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Sehubungan itu, tindakan pencegahan amat diperlukan bagi memastikan kejadian demam denggi dapat diatasi daripada terus berlaku. Semburan racun serangga tidak akan menyelesaikan masalah denggi jika tempat pembiakan tidak dihapuskan. Membanteras denggi adalah tanggungjawab semua. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
4 Januari 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-51 dan ke-52 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-52 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021




Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021




Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-52 tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 52/2022**(25 Disember hingga 31 Disember 2022)**


Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 52/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 52/2021	
		Minggu 52 (25 Dis – 31 Dis 2022)		Minggu 51 (18 Dis – 24 Dis 2022)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	6	0	9	0	161	1	21	0
2	Kedah	55	0	33	0	1,461	2	644	1
3	P. Pinang	128	0	146	0	1,621	1	406	0
4	Perak	46	0	62	0	1,384	3	557	1
5	Selangor	1,079	3	1,001	0	37,542	14	15,741	2
6	WP KL & Putrajaya	193	0	180	0	6,733	5	3,067	2
7	N. Sembilan	46	1	94	0	2,053	3	649	1
8	Melaka	24	1	25	1	665	3	611	0
9	Johor	148	0	152	0	4,224	6	1,775	5
10	Pahang	25	0	29	0	976	1	428	3
11	Terengganu	4	0	4	0	246	1	49	0
12	Kelantan	25	0	28	0	1,227	4	223	0
13	Sarawak	5	0	11	0	671	2	426	0
14	Sabah	240	1	244	0	7,110	10	1,763	5
15	WP Labuan	0	0	0	0	28	0	5	0
	MALAYSIA	2,024	6	2,018	1	66,102	56	26,365	20




Selangor




WPKL & Putrajaya




Johor




Sabah




Pulau Pinang




Kelantan




Negeri Sembilan




Perak




Kedah




Melaka




Pahang




Sarawak



Perlis



Terengganu



Labuan

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 52/2022
(25 Disember hingga 31 Disember 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SABAH	Kota Kinabalu	Indah Permai	58	100
2	SABAH	Sandakan	MPS Flat Karamunting	44	83
3	SABAH	Sandakan	Kem Tentera	21	80
4	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Dahlia Tbr Bb	30	77
5	SABAH	Sandakan	Flat Taman Sejati	28	76
6	SABAH	Sandakan	Taman Mawar - Sendang	93	71
7	WPKL & P	Cheras	Desa Tasik Awam (Blok 2,4,6)	22	65
8	WPKL & P	Titivangsa	Ppr Air Panas (Blok A,B,C,D)	19	61
9	SELANGOR	Petaling	E3. Seksyen 26 (Flat PPRT Blok A,B,C)	11	59
10	SELANGOR	Petaling	E13. Tmn Pinggiran USJ 1	10	59
11	P PINANG	SP Tengah	Taman Impian Indah Zon B	17	59
12	SABAH	Sandakan	Kampung Bahagia	20	58
13	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U5 (Subang Bestari Teres B : Jln U5/64 - U5/70)	30	55
14	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJS 8 Mentari Court	14	54
15	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Uda Jaya	18	54
16	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Anggerik Tbr Bb	37	54
17	SABAH	Kota Kinabalu	Kg. Likas Lama	14	54
18	P PINANG	SP Tengah	Taman Permata Indah	19	52
19	SELANGOR	Kuala Langat	Pangsapuri Langat Murni	19	51
20	SABAH	Putatan	Kg. Sendil	35	49
21	WPKL & P	Titivangsa	Genting Court Kondo	12	48
22	P PINANG	SP Tengah	Taman Bukit	48	47

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
23	SELANGOR	Petaling	E15. Tmn Puchong Utama (Jln Pu 8)	8	46
24	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kesuma 1/2-1/12(Genap) Bandar Tasik Kesuma	11	46
25	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	13	46
26	P PINANG	SP Tengah	Flat Kota Permai	23	45
27	SABAH	Kota Kinabalu	Taman Mesra Ph.2	30	44
28	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kesuma 3/1-3/7 Bandar Tasik Kesuma	13	42
29	SELANGOR	Klang	Taman Pendamar Indah 1 (05)	12	41
30	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Muhibbah	9	41
31	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Wawasan 2/1-2/8,2/10&2/12 Bandar Baru Ampang	8	41
32	SELANGOR	Petaling	E1. Sek 13 (Teres B : Jln 13/16 - 13/25, Jln 13/57 - 13/59)	11	41
33	SABAH	Lahad Datu	Taman Aman Jaya	28	41
34	SELANGOR	Klang	Bandar Puteri 16	6	40
35	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Kosas 2/1,2/3,2/5,2/6,2/8,2/10,2/11a,2/13 Tmn Kosas	8	40
36	PERAK	Kinta	Rumah Pangsa Bercham	5	40
37	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Lestari Perdana (Desa Minium Rimba)	19	39
38	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8)	7	39
39	P PINANG	SP Tengah	Taman Bandaraya	13	39
40	WPKL & P	Lembah Pantai	PPR Pinggiran 1 (Blok A,B,C,D,E,F)	7	38
41	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Dagang 1-9A Taman Dagang Jaya	6	37
42	WPKL & P	Cheras	Ppr Pudu Ulu	11	36
43	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Sutera 2 Taman Sutera	14	36
44	SELANGOR	Klang	Taman Bayu Perdana 05	13	36
45	P PINANG	SPTengah	Tmn. Pelangi Flat Zon C	7	36
46	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Universiti Indah 1 (Jln Indah 1/12 - 1/36)	5	35
47	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (P/puri Sri Bintang : Blok M1 - M7)	12	35

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
48	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7 Bangi Avenue 3	8	35
49	SABAH	Sandakan	Kampung Istimewa	13	35
50	SELANGOR	Petaling	E12. Tm Sek 51A Flat Impian Baiduri	9	34
51	SABAH	Lahad Datu	Taman Pertama Satu	30	34
52	SABAH	Sandakan	Taman Tat Fui Yen Batu 8	9	34
53	SABAH	Kota Kinabalu	Kepayan Rumah Murah Ph.2	19	33
54	WPKL & P	Kepong	Sri Bandar Condominium	7	33
55	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 19 (Flat A Jln 19/15 : Blok 1 - 5)	9	33
56	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Prima Cempaka	4	33
57	SELANGOR	Klang	Bandar Puteri 08	6	33
58	SELANGOR	Klang	Perdana Industrial Park 02	13	33
59	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A PPRT 1 Blok (D,E,F)	11	33
60	SELANGOR	Klang	Kampung Sungai Pinang Dalam 01	9	33
61	SABAH	Sandakan	Pulau Berhala	7	33
62	N SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Orkid	13	33
63	SELANGOR	Klang	Taman Sri Indah 2	9	32
64	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kosas 3/1-3/9 Taman Kosas	4	32
65	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Desa Lembah Permai	10	32
66	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Seri Kemboja Bs	9	32
67	WPKL & P	Cheras	Ppr Sri Malaysia	6	31
68	SELANGOR	Petaling	E13. SS 18/4	8	31
69	SELANGOR	Hulu Langat	Venice Hill Condominium	6	31
70	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Alam Jaya	5	31
71	SABAH	Sandakan	Bandar Sandakan	6	31

Lampiran E

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 52/2022
(DARI 25 DISEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 52/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 52/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 52/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 52/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	3	3
2	Kedah	0	0	35	140	140
3	P. Pinang	8	0	122	77	77
4	Perak	0	0	18	180	180
5	Selangor	4	6	245	339	339
6	WP KL & Putrajaya	1	4	256	490	490
7	N. Sembilan	0	2	80	22	22
8	Melaka	0	0	9	29	29
9	Johor	0	0	4	97	97
10	Pahang	0	0	4	0	0
11	Terengganu	0	0	1	0	0
12	Kelantan	0	0	39	55	55
13	Sarawak	0	0	1	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	13	12	814	1,432	1,432